

Had 10 subjek SPM

Ringan beban keluarga

H.M 21/6/09 MIS II

Langkah tak bawa kesan negatif

PUTRAJAYA: Langkah mengehadkan mata pelajaran yang diduduki dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), tidak akan membawa sebarang kesan negatif terhadap pelajar.

Sebaliknya, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata langkah itu bakal memberi kebaikan, terutama memudahkan proses pembelajaran terhadap pelajar dan guru serta meringankan beban keluarga pelajar.

“Saya tidak fikir pelajar harus bimbang kerana apa pun keputusan yang kerajaan akan buat dalam soal ini nanti tidak akan memberi kesan negatif kepada mereka, malah memudahkan mereka dan semua pihak terabit.

“Belajar macam biasa, apapun keputusan yang kita hendak buat untuk tahun depan seperti yang saya bayangkan itu juga untuk membantu mereka, menolong keluarga mereka, memudahkan proses pembelajaran dan membantu guru,” katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat dan melawat ibu pejabat Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), semalam.

Pada 21 Mei lalu, Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran mengumumkan kerajaan mengkaji kemungkinan mengehadkan jumlah mata pelajaran yang perlu diduduki calon peperiksaan SPM supaya sama antara satu sama lain, sekali gus memberi peluang seimbang untuk mendapat biasiswa kerajaan dengan sistem itu dijangka dimulakan tahun depan atau pada 2011.

Muhyiddin berkata, pelajar di tingkatan empat diminta meneruskan pelajaran mereka seperti biasa dan perlu bersedia menerima sebarang keputusan yang akan diumumkan.

“Walaupun saya tahu di peringkat tingkatan empat sekarang sudah merancang untuk



MUHYIDDIN...keputusan memudahkan pembelajaran

tahun depan, untuk tujuan ilmu, mereka boleh teruskan tetapi apabila sudah dimuktamadkan dalam beberapa minggu akan datang, kita harus membuat apa-apa pengubahsuaian...saya tak fikir itu boleh membawa kesan negatif kepada mereka,” katanya.

Muhyiddin berkata, kerajaan bersetuju menambah aset APMM, termasuk bot dan kapal serta meningkatkan bilangan kakitangan agensi itu seramai 5,000 orang dalam tempoh tiga tahun akan datang.

“Saya minta langkah penguatkuasaan dipertingkatkan di banyak kawasan perairan kita dan harap akan dapat dilaksanakan pada masa depan,” katanya.

Pada masa ini, APMM mempunyai 126 bot dan kapal, tiga helikopter dan sebuah kapal terbang untuk melaksanakan tugas penguatkuasaan perairan negara.

APMM yang ditubuhkan sejak 2005 kini mempunyai 3,234 kakitangan dan pegawai, kurang sekitar 800 berbanding kelulusan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebanyak 4,012 jawatan.